

Sinar Harian
19/4/17
mls 6

825 pelajar positif dadah

KAJANG - Seramai 825 daripada 23,583 pelajar sekolah menengah di seluruh negara yang menjalani ujian saringan air kencing, didapati positif dadah dalam tempoh suku pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed berkata, ada juga yang positif dadah itu bertindak sebagai pengedar dadah.

"Kita ambil tindakan tegas melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), yang bertanggungjawab dalam penguatkuasaan membanteras gejala dadah," katanya selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang AADK 2016, di sini, semalam.

Nur Jazlan yang juga Yang Dipertua Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) berkata, AADK memerlukan kerjasama pelbagai agensi dan Kementerian Pendidikan untuk menangani masalah penagihan dadah dalam kalangan pelajar.

Beliau berkata yang memberi fokus kepada kesedaran dan pendidikan bahaya dadah, kini dalam proses memperkasakan aktiviti penguatkuasaan memerangi dadah.

Katanya, AADK juga sudah memohon peruntukan kemudahan seperti lokap dan kuasa bagi membolehkan agensi itu menjalankan penguatkuasaan lebih efektif untuk menangani gejala dadah. - *Bernama*